

Galak belia buat bayaran balik

Usaha kerajaan bantu peminjam PTPTN dapat sambutan

Oleh IZWAN ROZLIN




Pelaksanaan insentif diskaun dan penangguhan bayaran balik oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) baru-baru ini amat baik dan wajar diteruskan.

Golongan belia yang menjadi peminjam khususnya mereka yang datang daripada keluarga B40 bersyukur dengan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan melalui Belanjawan 2023 ini.

Inisiatif itu termasuk diskaun 15 peratus bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus (mengikut jadual bayaran balik) dan diskaun 5 peratus untuk bayaran balik melalui aplikasi myPTPTN.

Ia juga melibatkan inisiatif tawaran kedua iaitu pemberian penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam bulan.

Penganalisis ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latif menyambut baik insentif diskaun dan penangguhan bayar balik yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi pembiayaan pendidikan itu.



Beliau berkata, jika dilihat secara keseluruhan, insentif ini banyak memberi manfaat kepada penuntut yang datang daripada keluarga kurang berkemampuan.

Jelasnya, hasrat kerajaan untuk mendekati golongan mahasiswa wajar dipuji namun beberapa pendekatan perlu dikaji semula agar mereka yang benar-benar layak sahaja boleh menerima manfaat ini.

"Kalau lihat mengenai insentif ini, memang banyak manfaatnya kepada rakyat khususnya penuntut yang datang daripada keluarga susah.

"Ini termasuklah penyelesaian hutang pembiayaan dengan diskaun 20 peratus jika dapat dilangsaikan hutang dan juga diskaun 15 peratus untuk penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang perlu dikaji semula.



RAZMAN

"Ini kerana tidak semua mahasiswa datang daripada keluarga yang senang, jadi diskaun jika dapat bayar semua atau separuh ini hanya keluarga T20 sahaja yang mampu," ujarnya.

Beliau bagaimanapun berpendapat insentif-insentif sedemikian wajar diteruskan pada masa akan datang untuk memberi lebih banyak kemudahan sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan dengan rakyat yang memerlukan.

Layari www.budget.gov.my/manfaat untuk mengetahui lebih lanjut cara untuk mendapatkan inisiatif ini dan meneroka lebih banyak peluang yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat.

#Belanjawan2023
#BelanjawanMADANI

Kerajaan telah melaksanakan dua inisiatif seperti berikut:

DISKAUN SEHINGGA

20%

Pemberian diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 20 peratus selama tiga bulan mulai 1 Mac 2023



Pemberian penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam (6) bulan. Permohonan penangguhan boleh dibuat mulai 1 Mac 2023.

Pelaksanaan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 20 peratus berkuat kuasa mulai 1 Mac 2023 hingga 31 Mei 2023 meliputi empat kategori berikut:

DISKAUN 20% atas baki

i) Diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman

DISKAUN 15% untuk selesai

ii) Diskaun 15 peratus untuk penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang

DISKAUN 15% potong debit

iii) Diskaun 15 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau Debit Terus (Direct Debit) mengikut jadual bayaran balik

DISKAUN 5% myPTPTN

iv) Diskaun 5 peratus untuk bayaran balik melalui aplikasi myPTPTN.

REAKSI BELIA

“

Diskaun yang diperkenalkan PTPTN telah mengurangkan beban bayaran balik pinjaman terutama graduan yang baru mendapat pekerjaan.”

- Abdul Latif Abd Rahim, 25.



“

Bagi mereka yang baru bekerja, penangguhan bayaran balik PTPTN amat membantu kerana kos sara hidup tinggi di bandar.”

- Muhd Haziq Zuhaimi, 25.



“

Diskaun 20 peratus pembayaran balik pinjaman PTPTN ini boleh diteruskan tanpa sebarang tempoh had masa kerana peminjam sudah boleh merancang perbelanjaan bulanan dan pembayaran semula PTPTN.”

- Mohammad Ammar Mohammad Hadis, 24.



“

Penangguhan enam bulan untuk gaji bawah RM1,800 memang terbaik. Untuk 20 peratus diskaun pula, jika bayar penuh pun sangat berbaloi kerana wang yang ada boleh dijadikan simpanan masa depan.”

- Nur Amaliene Sapian, 24.



“

Saya rasa PTPTN perlu lebihkan lagi promosi kerana ada peminjam tidak sedar dengan diskaun yang diberikan dan diskaun seperti itu wajar diteruskan sebab masih ramai graduan tidak stabil.”

- Nurul Syuhadah Zulkurnain, 24.



“

Inisiatif ini berbaloi sebab diskaun 15 peratus yang diberikan dapat menggalakkan peminjam melakukan bayaran balik melalui skim potongan gaji.”

- Khairun Khaleeda Ramli, 26.

